



**DATUK NOR ASIAH BINTI MOHD YUSOF  
PEGUAM BESAR NEGERI SABAH**

AMANAT TAHUN BAHARU

***“ASPIRASI 2021”***

**S**egala puji bagi Allah swt dan selawat serta salam kepada Nabi Muhammad saw dan salam Sabah Maju Jaya. Alhamdulillah, kita dapat bertemu di tahun 2021, saya mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua pegawai dan anggota jabatan ini. Semoga kita dapat menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Negeri ini, dengan memastikan sistem perundangan Negeri berjalan dengan baik, adil dan saksama. Tahun 2020 telah kita lalui dengan penuh cabaran namun tidak mematahkan semangat kita untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik.

Fenomena pandemik covid 19 ini sesungguhnya telah membuka ruang kepada kita untuk melangkah lebih maju ke hadapan dalam penggunaan sistem “*IT*”. Pengendalian secara alam maya kes-kes litigasi, penyampaian nasihat perundangan, gubalan undang-undang serta mesyuarat-mesyuarat penting dikendalikan secara aktif bagi memastikan perkhidmatan kita kepada kementerian dan agensi-agensi Kerajaan berjalan seperti biasa. Tahun 2020 juga telah menyaksikan pelbagai tuntutan sivil ke atas Kerajaan Negeri, namun berjaya dikendalikan dengan penuh hemah oleh Bahagian Guaman Sivil jabatan ini.

Syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Tanggungjawab yang diberikan kepada saya ini akan saya galas dengan penuh tanggungjawab. Sokongan dan kerjasama daripada semua pihak amatlah diperlukan dalam menjayakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Pada hemat saya, sepanjang bertugas di Jabatan ini sejak tahun 1994 saya melihat jabatan ini bekerja dalam satu pasukan yang mantap dan saling memberi kerjasama yang baik, semoga menjadi satu tradisi yang berterusan. Justeru dalam ucapan amanat ini, penumpuan diberikan kepada beberapa perkara yang perlu kita laksanakan untuk memantapkan dan melaksanakan dasar jabatan dengan lebih berkesan dan efisien.

**1**

**S**uka saya mengingatkan semua, fungsi utama jabatan ini adalah seperti berikut: -

- (a) Nasihat Undang-Undang;
- (b) Gubalan dan Terjemahan Undang-Undang;
- (c) Guaman Sivil; dan
- (d) Semakan Undang-Undang dan Cetakan Semula Undang-Undang.

**2**

**N**asihat dan pandangan perundangan sebenarnya membantu melicinkan pentadbiran Kementerian Dan Agensi Kerajaan. Justeru, tidak sekadar pandangan undang-undang sahaja namun keperluan undang-undang yang baharu dan pindaan juga adalah salah satu instrumen undang-undang yang penting untuk dijadikan sebagai panduan dalam memantapkan sistem pentadbiran Negeri.

## **PENSTRUKTURAN SEMULA PENTADBIRAN**

**3**

**J**abatan ini adalah nadi perundangan bagi setiap Kementerian dan Agensi Kerajaan Negeri. Kepakaran perundangan dari jabatan ini amat diperlukan dalam menjamin keharmonian dan keadilan undang-undang.

**4**

**S**eperti yang kita maklum undang-undang adalah satu perkara yang sentiasa berkembang (*living document*) mengikut kesesuaian perubahan dan keperluan semasa. Justeru, Jabatan inilah yang menjadi pakar rujuk dalam pembuatan dan menghasilkan satu undang-undang. Undang-undang yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan Undang-Undang Sivil, Syariah dan Hal Ehwal Anak Negeri.

5

**M**enyedari keperluan ini, saya terpanggil untuk melihat semula penstrukturan jabatan agar dapat disesuaikan mengikut kepakaran masing-masing. Adalah tepat untuk saya katakan khususnya kepada Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan yang telah lama berkhidmat di sini sebenarnya anda semua adalah orang yang “pakar” dijadikan sebagai rujukan perundangan. Oleh yang demikian, penstrukturan semula ini adalah berdasarkan pada hemat saya bersesuaian dengan kepakaran masing-masing.

6

**A**da beberapa undang-undang yang masih perlu diberi perhatian khususnya undang-undang anak negeri. Undang-undang ini adalah satu undang-undang istimewa kepada Anak Negeri Sabah yang perlu dijaga dan dinaikkan martabatnya ke peringkat yang lebih teratur dan tersusun. Jabatan ini akan mengambil perhatian mengenai perkara ini dan cuba membentuk satu pasukan kerja berkenaanya.

7

**I**su lain seperti *Malaysian Agreement 1963* (MA 63) juga perlu diambil perhatian yang serius. Pada hemat saya perkara ini perlu ditangani secara kerja berpasukan. Dalam perkara ini, idea dan kepakaran pegawai-pegawai yang telah dilantik adalah amat saya perlukan, kerjasama akan menjana daya kreativiti yang lebih relevan.



8

**S**aya menyedari bahawa beban tugas setiap pegawai telah mencapai ke tahap yang maksimum. Jabatan ini akan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan pegawai bagi memenuhi kekurangan yang kita hadapi selama ini.



9

**S**aya juga menyedari perlunya ada pegawai-pegawai khusus untuk menyempurnakan semakan undang-undang dan cetakan semula. Ianya adalah salah satu bahagian penting dalam struktur pentadbiran jabatan. Saya percaya, hal ini kita akan dapat tangani dalam masa yang terdekat.



10

**M**enyentuh berkaitan bahagian guaman sivil, perlaksanaannya akan diteruskan seperti sebelum ini. Bahagian ini boleh saya katakan sebagai satu benteng yang penting dalam mempertahankan maruah dan integriti kerajaan di medan perbicaraan Mahkamah Sivil. Bahagian ini telah berfungsi dengan cemerlangnya.

**S**yabas juga saya ucapkan kepada pasukan gubalan yang telah menghasilkan undang-undang di sepanjang tahun 2020. Biar pun pelbagai kekangan di hadapi namun ianya telah berjaya menghasilkan beberapa undang-undang. Saya amat berharap strategi pemantapan pasukan ini akan dipertingkatkan dan dipergiatkan lagi.

**J**abatan juga telah menubuhkan satu unit syariah pada tahun lalu. Ianya adalah sebagai salah satu usaha jabatan untuk mempertingkatkan kecekapan khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan undang-undang syariah dan hal ehwal pentadbiran orang Islam.

## Penutup

Saya berharap agar semua pegawai dan kakitangan Jabatan ini sentiasa mengukuhkan kerjasama dan bekerja sebagai satu pasukan bagi mencapai Visi dan Misi jabatan ini.

Saya dengan penuh kepercayaan, semua pegawai-pegawai dan anggota jabatan akan sentiasa komited dalam menjalankan amanah yang diberikan. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua atas usaha dan pencapaian yang telah dilakukan sepanjang tahun 2020. Moga tahun ini dan tahun-tahun akan datang, kita sentiasa diberi kekuatan dan semangat untuk meneruskan tradisi kerja secara berpasukan agar jabatan ini mencapai prestasi yang cemerlang dan gemilang.